

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HIS 404 Kajian Ayat-Ayat Hukum

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT [4] soalan dalam TIGA [3] muka surat.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Sila pelihara kertas ini dengan baik kerana ia mengandungi ayat-ayat suci al-Qur'an.

1. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خِلاَفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ، إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ، فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

(المائدة: ٣٧ = ٣٦)

Berdasarkan ayat-ayat di atas, jawab soalan-soalan berikut:

(a) Terangkan suasana penurunan ayat-ayat di atas.

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan penentangan terhadap Allah dan Rasul di dalam ayat ini dan apakah hukuman hudud yang dikenakan ke atas pelaku jenayah berkenaan?
 - (c) Apakah syarat-syarat yang diperlukan bagi pelaksanaan hukuman di dalam kes-kes jenayah demikian?
 - (d) Kenapakah syara' mengenakan hukuman yang berat ke atas pelaku jenayah ini?
2. Di dalam surat al-Nisa', ayat-ayat 92 - 94, terdapat ketetapan hukum syara' di dalam kes pembunuhan secara tersalah atau yang tidak disengajakan. Anda dikehendaki menghuraikan beberapa perkara yang bersabit dengan isu ini; iaitu:
- (a) Jenis-jenis pembunuhan menurut pandangan madhhab-madhhab fiqh berserta hujah masing-masing.
 - (b) Hukuman yang dikenakan ke atas pembunuhan yang tidak disengajakan menurut pandangan al-Syafi'i, Malik dan Abu Hanifah berserta hujah masing-masing.
 - (c) Ke atas siapakah diwajibkan "diyat" di dalam kes pembunuhan yang tidak disengajakan?
 - (d) Keadaan hamba sahaya yang perlu dibebaskan (sebagai kaffarah) oleh si pembunuh di dalam kes yang demikian.

3. Ferman Allah SWT:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَلِيَشْهَدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ. الزَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحَرَّمَ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ،

(النُّور: ٣ = ٤)

- (a) Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Malaysia kemudian nyatakan suasana penurunannya.

- (b) Bincangkan pandangan Islam tentang perbuatan zina serta kemudaratan-kemudaratannya ke atas individu dan masyarakat.
- (c) Apakah hukuman yang ditetapkan oleh syara' ke atas orang bujang dan orang yang muhsan yang melakukan jenayah ini?
- (d) Berikan ulasan anda tentang hukuman hudud ini di dalam konteks zaman kini.

4. Firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ وَالْمَحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمَحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَافِحِينَ وَلَا مُتَّخِذِي أَخْدَانٍ،
وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ .
(المائدة : د)

Bincangkan persoalan-persoalan berikut secara kritis:

- (a) Pandangan ulama mengenai Ahl al-Kitab serta maksud makanan mereka di dalam ayat ini.
- (b) Hukum syara' tentang perkahwinan lelaki atau wanita Islam dengan Ahl al-Kitab.
- (c) Adakah maksud ayat ini boleh diaplikasikan ke atas penganut-penganut agama Yahudi dan Kristian sekarang?
- (s) Toleransi beragama dari perspektif Islam terutamanya di antara agama-agama Samawi.